

28/07/2000

Revolusi IT tidak jejas semangat kebangsaan

uf Abu Bakar; Johary Indan

KOTA KINABALU, Khamis - Semangat kebangsaan masih lagi menjadi kuasa penting walaupun berhadapan dengan ledakan revolusi teknologi maklumat (IT) dan globalisasi yang cuba menghakiskan semangat itu.

Wakil Khas Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Tan Sri Razali Ismail, berkata idea mengenai semangat itu yang membentuk negara sudah lama bertapak dalam pemikiran masyarakat.

Sehubungan itu mereka sukar menerima hakikat kewujudan dunia tanpa negara.

"Semua negara mengutamakan identiti negara dan nasionalisme. Ini menyebabkan ledakan globalisasi dan IT tidak dapat menghalang semangat berkenaan daripada terus wujud di kalangan penduduk terutama di Asia," katanya.

Bagaimanapun, Razali yang memberi ucap pada Persidangan Antarabangsa Persatuan Sejarawan Asia ke-16 di sini hari ini memberi amaran bahawa semangat kebangsaan yang bergabung dengan sikap mengagungkan sesuatu bangsa (ethno-centrism) saja amat berbahaya.

"Sama seperti pelampau politik dan agama, kecenderungan yang boleh merosakkan dan berbahaya itu perlu dihapuskan," katanya.

Razali yang berucap atas tajuk 'Pelbagai Gambaran Mengenai Asia Dalam Abad Lalu' juga berkata adalah tidak bijak sekiranya negara bergerak ke hadapan tanpa melihat sejarah.

"Kita perlu mengetahui sejarah masa lalu untuk mengetahui apa yang akan berlaku pada masa akan datang," katanya.

Persidangan yang dihadiri lebih 400 sejarawan Asia itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mengenai proses kemerdekaan yang dilalui Malaysia, Razali berkata kaedah yang digunakan oleh pejuang kemerdekaan berjaya menstabilkan politik Malaysia sekarang.

"Walaupun pada mulanya, ia hanya perjuangan kemerdekaan bagi satu kaum saja tetapi kebijaksanaan kepemimpinan politik ketika itu yang merasakan semua rakyat berbilang bangsa perlu menikmati kemerdekaan yang sama, akhirnya proses kemerdekaan berjalan lancar malah berjaya membangunkan negara stabil, maju dan harmoni," katanya.

Razali berkata walaupun berlaku krisis kaum pada tahun 1969, Malaysia masih mampu untuk menjadi contoh kejayaan perpaduan kaum dan kepelbagaian budaya di kalangan negara Asia.

"Keadaan tidak stabil di Sri Lanka di mana dua etnik, kaum Singhales dan Tamil bermusuhan sehingga menghancurkan negara boleh dibuat perbandingan bagaimana proses kemerdekaan yang dilalui Malaysia adalah yang terbaik," katanya.

(END)